



Bolehkah 'follow' akaun gosip di media sosial? Ikuti penjelasan dalam kapsul BH TV Jom Tanya Ustaz.

Terap pendidikan seks ikut kerangka Islam

➡ Lebih menyeluruh seperti dalam al-Quran, hadis



Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Faktor perasak yang menjadi kunci kepada gaya hidup bebas dan penyebab meningkatnya keseruntuhan akhlak remaja antara persepsi sering dimomokkan apabila dibangkitkan kepentingan pelaksanaan pendidikan seksualiti di sekolah.

Hakikatnya Islam tidak mendiskriminasi dan jauh sekali mengharuskan pendidikan seksualiti kerana agama ini mengiktiraf seks sebagai fitrah dalam kehidupan manusia.

Manusia dicipta dengan jantina berbeza sama ada lelaki atau perempuan dan mempunyai naluri hidup berpasang-pasangan, menjadikan ilmu seksualiti wajar diberikan perhatian supaya umat Islam tidak terjerumus dalam perilaku sumbang.

Bagaimanapun berbanding pendidikan seksualiti di Barat, kerangka yang dianjurkan Islam lebih menyeluruh dengan menekankan kewajipan menjaga kehormatan diri, adab dan perilaku yang bermula awal usia supaya peka terhadap batasan seperti terkandung dalam al-Quran dan hadis.

Firman Allah SWT: "Rotakanlah (tubuh Muhammad) kepada orang lelaki beriman supaya mereka menyekat pandangan dan memelihara kehormatan. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentang apa mereka kerjakan." (Al-Nur: 30)

Setiap Muslim yang mengakui beriman kepada Allah SWT diperintahkan menjaga setiap anugerah pancaindera hingga kepada melindungi maruah diri daripada dicemari perkara terkutuk, sekaligus bertentangan dengan ajaran agama.

Pakar Obstetrik dan Ginekologi dan Penyelaras Unit Perancangan Keluarga Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Harlina Halizah Siraj, berkata salah faham terhadap per-

didikan seksualiti menyebabkan ia dikaitkan sebagai menyimpang atau tidak diajar dalam Islam.

"Ramai yang masih tidak faham apa itu pendidikan seksualiti hingga ada yang menganggap jika anak-anak kita mempelajarinya, ia akan mengandungi bahaya kerana mereka akan cuba menerokainya dengan lebih jauh.

"Islam mengiktiraf aspek seksualiti sebagai elemen penting dalam kehidupan yang perlu diatur secara tersusun mengikut kerangkanya, barulah dapat melahirkan umat seimbang dan sejahtera dalam batasan kebebasan tertentu.

Perbetul persepsi

"Malangnya, ada sesetengah masyarakat kita yang agak konservatif sehingga enggan membicarakan menguasainya. Bayangkan tanpa ilmu bagaimana kita mampu membimbing anak-anak yang semakin terhimpit dengan pelbagai pengaruh semasa seperti cinta di alam siber, pornografi dan kiriman pesanan serta gambar lucah secara elektronik (sexting)," katanya.

Beliau berkata, sikap dan mentaliti masyarakat terhadap seksualiti perlu diperbetulkan kerana ada yang melihatnya daripada sudut pandangan terlalu ekstrem.

Sebahagiannya melihat ia sebagai kotor dan hina sehingga ke tahap dianggap merendahkan martabat manusia tetapi tidak kurang juga berfikiran liberal hingga melihat seks sebagai ekspresi diri untuk memperoleh kebebasan mutlak tanpa melalui ikatan pernikahan sah.

Bagi keluarga, terutama ibu bapa yang mempunyai pengetahuan luas mengenai ilmu seksualiti berasaskan Islam, mereka mempunyai banyak kelebihan.

Antaranya, hubungan seksual suami isteri dapat berlangsung secara sihat, mereka juga tidak bersifat menghukum tetapi lebih kepada memberi bimbingan mengenai batas pergaulan, sentuhan dilarang khususnya bagi bukan mahram dan implikasi hubungan seks di luar pernikahan.

Lihat Ms.54



Islam sendiri menganjurkan pendidikan ini dimulakan awal sebelum anak mencapai kesempurnaan kematangan seksual"

Dr Harlina Halizah Siraj,
Pakar Obstetrik dan Ginekologi dan Penyelaras
Unit Perancangan Keluarga Pusat Perubatan UKM